

Rakan serumah sombong

Tidak mahu bercakap jika ada sesuatu perkara, hanya tulis nota, tampal di pintu bilik

Soalan

SAYA ada masalah dengan rakan serumah. Umurnya lingkungan 30-an, bujang manakala saya awal 20-an dan akan berkahwin akhir tahun ini. Kami tinggal menyewa di sebuah rumah tetapi mempunyai bilik berasingan.

Masalahnya, dia sombong, bangga diri dan iri hati hingga tidak pernah menyempah atau menegur saya tapi kami tidak pernah bertengkar.

Selama ini, saya saja yang menegur dia tapi sampai bila? Dia mempunyai sifat bangga dan sombong seperti menayangkan peralatan elektrik atau perabot dibelinya selain menganggap rumah itu seperti miliknya sendiri.

Barang saya terpaksa disimpan dalam bilik sendiri. Dia juga sangat iri hati apabila saya membeli sesuatu barang dan akan membelinya. Dia tidak mahu bercakap dengan saya, jika ada sesuatu perkara, dia hanya menulis nota dan menampalnya di pintu bilik saya.

Dia juga tidak suka berkongsi barang tapi akan menggunakan

barang kepunyaan saya seolah-olah miliknya. Ramai rakan berkata kebanyakan andartu akan berkelakuan begitu, benarkah?

Ina, Kuala Lumpur.

Jawapan

TERIMA kasih kerana berkongsi masalah dengan Dr. Adalah tidak adil memberikan satu persepsi negatif kepada mana-mana kumpulan. Individu yang mempunyai persepsi negatif terhadap individu lain boleh menghalang dirinya membina komunikasi berkesan dan membentuk satu perhubungan yang baik dengan individu tersebut.

Contohnya jika adik mempunyai persepsi golongan andartu bertingkah laku sombong, iri hati, sukar

senyum, ia akan menyukarkan adik berhubung baik dengan rakan serumah yang adik golong sebagai andartu. Bagaimanapun, Dr percaya adik bersangka baik terhadap rakan serumah adik itu.

Tingkah laku rakan serumah adik itu adalah tingkah laku dan sifat dirinya secara peribadi, bukannya tingkah laku kebanyakan andartu. Tingkah laku sombong, bangga diri dan iri hati boleh wujud kepada sesiapa saja, tanpa mengira golongan andartu, berkahwin, anak dara atau golongan bujang.

Bagi mencari jalan penyelesaian hubungan dingin adik dengan rakan serumah, pertama adik perlu mempunyai persepsi positif terhadap rakan serumah dan tidak meletakkan

nilai-nilai tertentu kepada dia terutama nilai sifat negatif.

Adik perlu memahami apa yang adik tidak suka terhadap rakan serumah adalah sifat dan ciri dirinya, bukan orangnya atau kategori dirinya (adik anggap dia sebagai andartu).

Umur dalam kategori andartu juga adalah sesuatu yang bersifat subjektif. Mungkin ada orang yang berasakan umur 30-an terlalu awal untuk berkahwin.

Bagaimanapun, Dr gembira kerana adik menegur rakan serumah. Ciri-ciri positif sebegini adalah langkah kepada komunikasi dan pembinaan hubungan yang baik. Walaupun nampak gagal, tetapi usaha adik itu baik dan perlu dipuji. Teruskan.

Masalah hubungan dingin

antara adik dengan rakan serumah wujud kerana pandangan dan personaliti individu adalah berbeza:

Apa yang kita suka mungkin tidak disukai orang lain. Begitu juga sebaliknya. Mungkin rakan serumah adik selesa dengan tingkah lakunya.

Perhubungan harmoni berlaku apabila wujudnya sifat saling memahami, menghormati, boleh memberi dan menerima. Perlu juga ada pengorbanan dalam membina perhubungan sama ada daripada adik atau rakan serumah.

Apa yang boleh dilakukan ialah adik menyuarakan perasaan dan rasa tidak selesa kepada kawan serumah adik itu. Wujudkan komunikasi yang baik. Tapi, buang segala

pemikiran dan persepsi negatif terhadap kawan adik itu. Teruskan sikap positif untuk terus membina ruang komunikasi dan perhubungan melalui teguran dan sapaan.

Jika gagal, adik mempunyai pilihan lain seperti bersikap seperti diri rakan serumah ia itu tidak mempedulikan dirinya sama seperti yang dilakukan terhadap adik. Anggaplah ia bukan satu masalah dan teruskan kehidupan adik sendiri namun, adakah adik selesa berbuat demikian?

Jika tidak, adik boleh membuat pilihan untuk berpindah dan mencari kediaman lain. Walaupun ini mungkin mewujudkan masalah lain tetapi sekurang-kurangnya ia membantu adik menyelesaikan masalah sedia ada.

Remaja kesal hamil luar nikah

Soalan

SAYA remaja berusia 16 tahun dan masih bersekolah. Saya mengalami masalah serius dan semuanya salah sendiri. Saya melakukan hubungan seks dengan teman lelaki dan mengandung lima bulan.

Saya sangat takut dengan keadaan ini dan pernah berfikir untuk membunuh diri tapi takut hukum Allah.

Apa yang perlu saya lakukan Dr? Adakah cara lain mengelak melahirkan zuriat ini? Saya tidak boleh melahirkan anak ini dan berkahwin dengan teman lelaki kerana usia dan ekonomi tidak mengizinkan. Harap Dr membantu.

Anis, Sefangor.

Jawapan

SYUKUR, adik sudah insaf dengan perbuatan negatif yang dilakukan. Sesungguhnya ini ujian Allah kepada adik dan perlu tabah menghadapi serta belajar daripada kesilapan.

Adik juga perlu bertobat dan tidak lagi mengulangi perbuatan yang terlarang itu.



INSAFLAH....remaja disoal siasat oleh Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) setelah ditahan berkhawatir, baru-baru ini

Firman Allah s.w.t yang bermaksud "....dan bertobatlah kamu sekalian kepada Allah, waihai orang beriman, mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan," (Surah an-Nur, ayat 31).

Kandungan adik berusia lima bulan. Tentunya adik tiada pilihan lain selain melahirkan anak itu. Adik tidak boleh menggugur-

kan kandungan itu kerana ia berdosa. Undang-undang juga melarang perbuatan itu.

Membunuh diri juga bukan penyelesaian yang baik kerana banyak masalah lain yang timbul selalunya satu dosa. Adik jangan mudah putus asa kerana Islam melarang berputus asa seperti firman Allah yang bermaksud

"Katakanlah: Hai hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa (di rupa rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni dosa semuanya. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang)" (Az-Zumar 39:53).

Jalan terbaik ialah me-

mintakan teman lelaki adik bertanggungjawab atas perbuatannya. Adik juga perlu berbincang dengan ibu bapa mengenai keadaan sebenar.

Selain itu, beberapa rumah perlindungan untuk wanita hamil di luar nikah disediakan. Bukanlah tujuan Dr menggalakkan remaja hamil di luar nikah tetapi ia sebagai satu alternatif mengelak membuang bayi yang tidak berdosa.

Jika adik tidak dapat bersekolah lagi kerana perbuatan ini, Dr nasihatkan adik untuk terus mendapatkan ilmu. Adik boleh belajar di sekolah swasta atau persendirian. Ambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada masa depan. Jangan halang diri untuk mendapatkan ilmu kerana nasihat adik ini.

Walaupun adik melakukan kesilapan besar dan terpaksa menanggung bebanannya, jalan kembali masih ada. Bina kekuatan daripada kesilapan ini. Walaupun sukar tetapi Insya-Allah jika niat baik dan insaf, adik akan menemui sinar cahaya.